

Bab 4

Faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan di kalangan masyarakat ladang

4.1. Pengenalan

Sektor perladangan merupakan salah satu sektor ekonomi yang tertua di Malaysia yang telah bermula sejak 1896 dan masih wujud hingga ini dengan usia yang melebihi 100 tahun. Dengan itu, sektor ini telah mengalami banyak perubahan sejak tahun 1896 hingga kini. Antaranya ialah mengalami pengurangan dalam kawasan penanaman getah dan peningkatan dalam penanaman kelapa sawit. Pada tahun 1980 luas kawasan tanaman getah ialah kira-kira 2 juta hektar tetapi berkurang kepada 1.84 juta hektar pada tahun 1990 dan 1.59 juta hektar pada tahun 1999. Luas kawasan tanaman kelapa sawit pula meningkat kepada 3.3 juta hektar pada tahun 1999, berbanding 2.03 juta hektar pada tahun 1990 dan 1.02 juta hektar pada tahun 1980 (Siti Hadijah Che Mat et al. 2003:73). Walau bagaimanapun, didapati bahawa sector getah dijangka akan memberi sumbangan kepada KDNK negara sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2010. Disamping itu, sektor ini telah mengalami perubahan dalam struktur pemilikan dari rakyat asing kepada rakyat tempatan. Namun satu keadaan yang masih tidak banyak berubah sejak zaman penjajahan hingga sekarang ialah keadaan kehidupan kaum buruh di ladang. Aspek ini seperti diabaikan oleh pihak pembuat polisi mahupun pihak penyelidik dalam penilaian pembangunan sektor perladangan.

Buruh merupakan input terpenting dalam sektor perladangan ini. Ia berbeza daripada sektor-sektor lain yang oleh menggantikan buruh dengan modal tetapi di sektor

perladangan, buruh akan kekal sebagai input terpenting dalam pengeluaran. Produkiviti pekerja ladang telah mengalami peningkatan yang stabil namun pekerja ladang masih tinggal sebagai golongan termiskin di negara ini. Berikutan dengan itu, pengkaji akan membincangkan secara lebih mendalam terhadap faktor-faktor asas yang menghalang pembangunan masyarakat ladang di dalam bab ini. Di mana keadaan ini akan dilihat secara umum dan spesifik terhadap masalah yang wujud di ladang.

4.2. Faktor sistem pengurusan ladang yang bermotifkan keuntungan

Sistem pengurusan sektor perladangan yang berdasarkan kepada ragam pengeluaran kapitalis adalah merupakan salah satu faktor utama yang menyumbangkan kepada kemiskinan dikalangan masyarakat ladang. Oleh itu, motif utama sistem pengurusan ladang ini adalah bertujuan untuk memaksimumkan keuntungan. Sistem pengurusan ladang yang berdasarkan ragam pengeluaran kapitalis yang bermotifkan keuntungan akan menyebabkan pengurus-pengurus ladang memberi upah yang rendah kepada para pekerja ladang untuk menimakan kos bagi memaksimumkan keuntungan. Menurut Karl Marx (1973), pihak majikan (golongan borjuis) akan cuba menimakan kos pengeluaran termasuk kos upah pekerja dan kebajikan pekerja bagi memperolehi keuntungan maksima (Sivan, 1999). Keadaan ini jelas dilihat pada pihak majikan ladang yang membayar¹ gaji minimum kepada pekerja ladang bagi mengaut keuntungan yang maksimum. Hal ini jelas dilihat melalui jadual 4.1 dan laporan surat khabar Star pada tahun 1hb March 2003. Menurut laporan tersebut syarikat-syarikat besar seperti Golden Hope, Guthrie Berhad, P.P.B Oil Palms Berhad, Sime Darby dan K.L.Kepong telah memperolehi untung sebanyak RM118 juta (tujuh kali ganda untung), RM3.1 billion (54 kali ganda

¹ Pendapatan kasar pekerja disektor perladangan di Malaysia pada tahun 1999 adalah sebanyak RM340.00 (Malaysia Nanban, 25 April 1999) dan skim gaji bulanan minima yang diluluskan kepada pekerja ladang pada tahun 2001 adalah sebanyak RM325.00 (Majalah Bulanan Cemparuthi, March 2001).

untung), RM123.6 juta (empat kali ganda untung) dan 27.32juta pada bulan Disember 2002, sedangkan pada masa yang sama syarikat-syarikat ini telah mengamalkan skim gaji bulanan minima sebanyak RM325.00 kepada pekerja ladang.

Jadual 4.1
Keuntungan beberapa syarikat perladangan (Juta)

Syarikat Perladangan	1993/94	1994/95
E.A.C.	38	48
Batu Kawan	86	84
Golden Hope	176	288
Highkands& Lowlands	75	101
K.L. Kepong	121	158
Guthirie	101	158
United Plant	37	40
Gutrie Ropel	18	33
Kuala Kidim	26	80
Malaysian Plant	5	22

Sumber:Alaigal 1997

Daripada jadual 4.1. dan laporan surat khabar Star dapat dilihat dengan jelas betapa tingginya keuntungan yang diperolehi syarikat-syarikat perladangan, sedangkan pada masa yang sama sektor perladangan mengalami kejatuhan dalam upah benar (rujuk jadual 4.4.). Ini menunjukkan bahawa pembayaran upah yang rendah kepada pekerja ladang jelas mendatangkan keuntungan yang banyak bagi syarikat perladangan di Malaysia.

Tambahan pula, keengganan pihak majikan memberi gaji bulanan kepada para pekerja ladang pada tahun 1990 dengan alasan ia akan menggalakkan pekerja untuk

ponteng kerja dan meningkatkan kos buruh, jelas menunjukkan sikap majikan yang mementingkan keuntungan. Namun harus ditegaskan disini bahawa menurut kajian yang dilakukan oleh Jomo K. Sundram (1989), beliau mengatakan bahawa syarikat perladangan masih dapat memperolehi keuntungan yang banyak walaupun kos buruh meningkat ke tahap 50 peratus (Gunalan, 1993). Hal ini jelas di lihat pada jadual 4.2 yang menunjukkan tentang keuntungan marginal di ladang.

Jadual 4.2.
Untung Marginal di Ladang

Butiran	Sen/kg	%
Jumlah hasil	153.0	100
Perbelanjaan		
Pengurusan	8.4	5.5
Overhead lain	6.5	4.2
Penyelenggaraan ladang	11.3	7.4
Pengutipan susu getah dan pengangkutan	1.5	1.0
Upah penoreh	42.1	27.5
Jumlah kecil	69.8	45.6
Untung Bersih	83.2	54.4

Sumber:Jomo, 1988:233

Daripada jadual 4.2 jelas didapati bahawa pihak majikan akan tetap memperolehi untung sebanyak 24 peratus sekiranya kos buruh meningkat kepada 50 peratus.

Di samping itu, sistem pengurusan ladang ini juga memaksimumkan keuntungan dengan mengurangkan lain-lain intensif dan penyediaan kemudahan infrastruktur (rumah, bekalan air, elektrik, sekolah dan lain-lain) pada tahap yang minima. Harus dinyatakan di sini

bahawa pada tahun 1990 Jabatan Buruh Negeri Selangor telah mengarahkan majikan ladang Abako merobohkan semua rumah di ladang tersebut dan mendirikan rumah baru kerana keadaan rumah di ladang Abako adalah tidak sesuai dijadikan tempat penginapan manusia pada zaman sekarang. Namun rumah-rumah tersebut masih dikekalkan oleh pihak majikan hingga pada masa sekarang. Hal ini menunjukan bahawa penguatkuasaan pihak Jabatan Buruh adalah sangat lemah di sektor perladangan.

Selain itu penyediaan kemudahan infrastuktur yang sangat minima di sektor perladangan juga dapat dilihat dengan jelas melalui keadaan rumah asuhan yang disediakan. Daripada kajian yang dijalankan oleh Selvakumara (1991) terhadap 31 buah ladang di Malaysia, didapati bahawa hanya 32 peratus daripada ladang sahaja yang memberikan kemudahan yang sempurna. Menurut kajian beliau rumah asuhan yang terdapat di ladang tidak dibekalkan peralatan yang sempurna seperti peralatan permainan, kerusi, meja, peti ais dan sebagainya. Di samping itu kanak-kanak juga tidak mendapat batuan makanan, malahan perlu disediakan oleh ibubapa mereka pada setiap pagi sebelum pergi kerja. Tambahan pula melalui kajian Kohila Yanasekaran, didapati bahawa ada juga rumah asuhan yang terdapat tikus, lipas dan lalat yang berbiar di sekitar kawasan rumah asuhan akibat daripada pengawasan yang minimum dari pihak pengurus ladang (majikan).

Keadaan ini jelas menunjukan sikap pihak majikan yang mementingkan keuntungan (keinginan pengumpulan harta yang berlebihan) menyebabkan mereka meminimakan kos perbelanjaan kebijakan pekerja ladang seperti mengurangkan lain-lain intensif, penyediaan kemudahan infrastruktur (rumah, bekalan air, elektrik, sekolah dan lain-lain) yang rendah. Menurut Arul Chelvam (1990:80) pula, pihak majikan akan mengurangkan kos-kos yang dinyatakan diatas dan memaksimumkan keuntungan. Justeru itu, dapat dilihat bahawa sistem pengurusan ladang yang berasaskan kepada ragam pengeluaran kapitalis yang lebih

bermotifkan keuntungan menjadi faktor utama yang menyumbangkan kepada kemunduran masyarakat ladang sejak zaman penjajahan lagi.

4.3. Upah Yang Rendah

Sektor perladangan merupakan salah satu sektor yang paling awal dan terus wujud di Malaysia sehingga sekarang. Ia juga merupakan salah satu sektor yang memberi sumbangan kepada pendapatan negara (Dato"Dr.Gan Khuan Poh et al. 1995). Hal ini jelas dilihat melalui jadual 4.3. yang menunjukkan sumbangan sektor perladangan ke atas pendapatan negara serta terhadap pertumbuhan ekonomi di negara.

Jadual 4.3.
Eksport Hasil-Hasil Utama Sektor Perladangan

Tanaman	1999	2000	2001	2002
Getah				
Jumlah eksport	2343.5	2571.3	1886.4	2492.0
Nilai (RMjuta)				
Kelapa sawit				
Jumlah eksport	14475.2	9948.0	9876.2	14838.3
Nilai(RM juta)				
Jumlah	16818.7	12519.3	11742.6	17330.3

Sumber: Siti Hadijah Che Mat et al. 2003:73

Walaupun sektor ini telah banyak menyumbangkan keuntungan terhadap pendapatan negara namun pekerja ladang tetap menerima upah yang rendah dan upah benar di sektor tersebut pula mengalami penurunan mengikut tahun. Keadaan ini pula jelas

ditunjukkan melalui jadual 4.4 yang menjelaskan tentang pendapatan benar dan pendapatan semasa bagi penoreh getah pada tahun 1974 hingga 1994.

Jadual 4.4.

Pendapatan Benar Dan Pendapatan Semasa Penoreh Getah (1974-1994)

Tahun	Pendapatan Benar (RM)	Pendapatan Semasa (RM)
1974	195	195
1978	195	220
1982	185	267
1985	178	279
1989	187	314
1994	165	320

Sumber: Di ubah suai daripada Kohila Yanasekaran, 1998 dan Jomo, 1988:231

Daripada jadual 4.4 dengan jelas dapat dilihat bahawa upah benar di sektor perladangan mengalami penurunan disebabkan peningkatan indeks harga pengguna yang lebih tinggi daripada peningkatan upah. Ini menunjukkan taraf hidup masyarakat ladang semakin menurun disebabkan kejatuhan dalam kuasa membeli di kalangan pekerja ladang akibat daripada kenaikan harga. Hal ini jelas kelihatan pada jadual 4.5. yang menunjukkan kenaikan indeks harga pengguna dari tahun 1974 hingga 1994.

Jadual 4.5.
Indeks harga Pengguna Mengikut Tahun

Tahun	Indeks Harga Pengguna (CPI)
1974	138
1975	130
1976	148
1979	168
1980	175
1985	226
1986	228
1987	230
1990	250
1994	290

Sumber:Diubah suai daripada Jomo, 1988:232; Laporan Perangkaan 1992; dan Kohila Yanasekaran, 1988

Daripada jadual 4.5 jelas dilihat bahawa sejak tahun 1974 hingga 1987 didapati indeks harga pengguna telah meningkat kepada 67 peratus tetapi upah benar bagi penoreh getah telah jatuh sebanyak peratus (Laporan Perangkaan, 1992). Malahan keadaan ini bertambah buruk sejak pada tahun 1997 iaitu di mana kadar inflasi telah meningkat sebanyak 15 peratus sedangkan kenaikan gaji hanya enam peratus. Didapati pada tahun 1998 inflasi telah menjadi perkara penting berikutan penyusutan dalam nilai ringgit Malaysia yang ketara telah mengakibatkan kenaikan dalam harga pengguna. Tambahan pula, pada masa tersebut, kategori barang pengguna mencatatkan kenaikan harga terutamanya kategori makanan yang menyumbang sebanyak 63 peratus daripada kenaikan dalam indeks harga pengguna.

Justeru itu, kadar kenaikan gaji yang tidak mengikut kadar kenaikan harga barang telah menyebabkan kuasa membeli (purchasing) di kalangan pekerja ladang semakin menurun sehingga pekerja tidak mampu membeli barang yang mampu dibeli oleh mereka pada lapan tahun yang dahulu. Ini menunjukkan pekerja ladang mengalami penurunan dalam taraf hidup mereka semasa negara membangun dengan pesat. Dengan ini jelaslah bahawa upah di sektor perladangan adalah rendah dan mengalami penurunan mengikut tahun dan keadaan ini terus mempengaruhi terhadap penurunan taraf hidup pekerja ladang kerana kuasa membeli barang kegunaan harian di kalangan mereka adalah rendah.

Bagi penoreh getah, upah mereka adalah berdasarkan kepada kualiti susu yang dibawa oleh mereka (Gunalan, 1993) manakala bagi pekerja yang kelapa sawit pula, upah mereka adalah berdasarkan kepadan buah yang dipotong yang mana kesemua aspek tersebut berada di luar kawalan mereka. Daripada analisis didapati bahawa upah penoreh ditentukan berdasarkan kandungan kering getah dalam susu cair yang dibawa oleh pekerja. Pengukuran melalui sistem DRC (Dry Rubber Content) tersebut akan menetapkan upah seseorang pekerja getah iaitu didapati bahawa semakin tinggi kuantiti susu yang dibawa semakin rendah kadar DRC untuk mengekalkan upah pada tahap yang rendah.

Selain itu, faktor harga getah pasaran dunia yang tidak stabil juga mempengaruhi upah bagi seseorang pekerja ladang, iaitu didapati bahawa penuruan harga getah di pasaran dunia akan mengakibatkan upah pekerja ladang turut menurun dan keadaan ini terus membawa kepada peningkatan dalam kadar kemiskinan di kalangan pekerja ladang. Hal ini jelas dilihat pada tahun 1975 dan 1983 iaitu di mana peningkatan harga pasaran getah di dunia pada tahun 1975 (RM1.39) hingga tahun 1980 (RM3.03) telah menyebabkan kadar kemiskinan di kalangan pekerja ladang jatuh kepada 35.1 peratus (1980). Manakala

penurunan dalam harga getah dunia pada tahun 1982 telah menyebabkan kadar kemiskinan di kalangan pekerja ladang meningkat kepada 54.6 peratus pada tahun 1983 (Jomo, 1988:232). Sementara itu, bagi pekerja kelapa sawit pula upah mereka ditentukan berdasarkan jadual 4.6. Iaitu sekiranya harga setan kelapa sawit dipasaran dunia adalah diantara RM700 dan kebawah maka upah yang dibagikan kepada pekerja yang membawa 25 tan keatas adalah sebanyak RM 100.00 bagi setiap 100 kilogram buah kelapa sawit. Manakala, jika harga setan kelapa sawit di pasaran dunia adalah diantara RM 900-1000 ketas maka upah yang dibagikan kepada pekerja yang membawa 25 tan keatas adalah sebanyak RM155 bagi setiap 100 kilogram buah kelapa sawit. Ini bermakna risiko-risiko perniagaan seperti ketidak tentuan harga pasaran yang sepatutnya di tanggung oleh pihak management (majikan) telah dipindahkan kepada golongan pekerja melalui pembayaran kadar upah yang rendah. Menurut Kohila Yanasekaran 1998, sektor perladangan adalah salah satu sektor di Malaysia yang memindahkan risiko-risiko perniagaan ke atas pekerja ladang.

Jadual 4.6**Kadar Pembayaran Upah Bagi Pekerja Kelapa Sawit**

Hasil Bersih (Per Tan Kelapa Sawit	Zon Harga		Dalam RM	Per Tan			
	RM 700 Keatas	RM 700 - 800 Keatas	RM 800 - 900 Keatas	RM 900 - 1000 Keatas	RM 1000 - 1,100 Keatas	RM 1,100 - 1200 Keatas	
	Kadar dalam		Sen bagi setiap 100 kilo F.F.B				
25 Keatas	100	118	140	155	160	167	172
17-25 Keatas	112	126	152	161	167	174	179
10-17 Keatas	129	142	168	178	181	186	189

Sumber : Memorandum Perjanjian diantara MAPA dan NUPW keatas ladang kelapa sawit 2001

Di samping itu skim gaji bulanan pekerja ladang yang bergantung kepada faktor cuaca juga mempengaruhi terhadap upah yang rendah. Menurut responden pada musim hujan dan musim panas semua pekerja ladang akan memperolehi gaji pokok sebanyak RM325.00 dan setelah dipotong duit EPF, SOCSO, dan duit Union, maka pekerja akan memperolehi gaji kasar sebanyak RM250.00 pada bulan tersebut. Ini adalah kerana sekiranya hari hujan, pekerja tidak boleh menoreh dan memotong buah, maka pada hari tersebut pekerja tidak akan mendapat gaji. Sekiranaya musim panas, kuantiti susu getah yang diperolehi adalah rendah. Oleh kerana negara Malaysia merupakan sebuah negara yang mengalami iklim khatulistiwa, maka kedua-dua musim hujan dan panas sentiasa

yang mengalami iklim khatulistiwa, maka kedua-dua musim hujan dan panas sentiasa mempengaruhi pengiraan gaji pekerja ladang. Secara langsungnya, faktor-faktor tersebut menyebabkan pekerja ladang memperolehi gaji yang rendah sepanjang tahun malah sepanjan hayat.

Dengan ini jelaslah bahawa upah minima yang diperolehi oleh pekerja ladang bukanlah berdasarkan kepada usaha atau kadar kerja seorang pekerja malahan ditentukan oleh berbagai faktor di atas. Sebenarnya kadar upah tidak harus berdasarkan pada produktiviti malah harus berdasarkan pada kuasa membeli masyarakat. Menurut Arul Chelvan (1990:79), sistem upah harian yang dilaksanakan di sektor perladangan getah pada hari ini tidak dapat menjamin satu pendapatan yang stabil kerana ia bergantung kepada faktor luar kawalan seperti faktor cuaca, harga pasaran dunia yang tidak stabil kuantiti susu, baka pokok (kelapa sawit) yang tinggi dan sebagainya.

Oleh itu, ingin ditegaskan di sini bahawa upah minima yang diperolehi oleh pekerja ladang telah menyebabkan masyarakat ladang terus dibelenggui kemiskinan kerana kuasa membeli di kalangan mereka samakin berkurang mengikut tahun akibat daripada peningkatan dalam indeks harga pengguna. Tambahan pula, gaji bulanan yang rendah ini menghalang pekerja ladang daripada membuat tabungan atau pelaburan untuk menyara masa depannya sendiri ataupun masa depan anak-anaknya kerana ia tidak cukup untuk menyara keperluan harian keluarga pekerja tersebut. Ketiadaan pelaburan atau simpanan masa depan oleh pekerja ladang menyebabkan mereka sentiasa dibelenggui kemiskinan.

Dengan itu diharapkan bahawa tuntutan pekerja ladang melalui Jawatankuasa Sokongan Masyarakat Ladang (JSML) pada 4/8/2002 untuk mengkaji semula dan menggantikan skim gaji bulanan yang dipersetujui oleh MAPA dan NUPW pada tahun

2001 dengan gaji minima yang adil sebanyak RM750 yang dipersetujui oleh semua pekerja ladang pada 9hb April 1999 dapat dilaksanakan dengan segera supaya ia dapat memberi satu pendapatan yang lebih terjamin untuk masa depan keluarganya dan juga diri sendirinya.

4.4. Skim gaji bulanan yang kurang produktif

Menurut wakli JSML Lethumy Devi, skim gaji bulanan yang dilaksanakan di sektor ladang sejak tahun 2002 tersebut bukannya merupakan suatu skim gaji yang bersifat produktif bagi pekerja ladang terutamanya dalam mengatasi kemiskinan di kalangan mereka. Mengikut artikel enam dalam memorandum skim gaji bulanan ini, didapati bahawa seseorang pekerja ladang hanya akan memperolehi gaji sebanyak RM325.00 sekiranya pekerja tersebut mempunyai peluang untuk mendapat upah dibawah RM325.00 pada bulan tersebut. Iaitu sekiranya pekerja tersebut mendapat upah sebanyak RM280.00 pada bulan tersebut dengan melaksanakan segala kerja yang disuruh oleh majikannya tanpa mengambil cuti, maka majikan tersebut akan memastikan pekerja tersebut mendapat gaji pokok sebanyak RM325.00 pada bulan tersebut. Disamping itu, dengan meletakkan gaji RM325.00 sebagai gaji pokok pada bulan tersebut, maka majikan akan memotong segala aspek seperti EPF, SOCSO, duit Union, bil elektrik, bil air dan duit kuil daripada gaji tersebut. Setelah memotong segala bil daripada gaji tersebut, maka pekerja tersebut akan menerima gaji sekurang-kurangnya RM250.00 sebagai gaji pada bulan tersebut untuk menampung keperluan isirumahnya.

Akan tetapi menurut kajian JSML dan surat khabar (tamil) Malaysia Nanban, pada tahun 1999 pula mengatakan bahawa gaji kasar bagi seorang pekerja di sektor ladang pada tahun 1999 adalah sebanyak RM340.00. Pernyataan ini menunjukkan bahawa kebarangkalian seorang pekerja ladang memperolehi gaji dibawah RM325.00 adalah sangat

kecil peratusnya dan keadaan ini hanya akan berlaku pada musim hujan dimana kebanyakan pekerja ladang tidak dapat pergi ke kerja kerana hari hujan. Dengan ini, dapatlah dinyatakan disini bahawa skim gaji bulanan yang diluluskan oleh MAPA dan NUPW tersebut hanya berpihak kepada pihak majikan dan bukanya merupakan satu skim gaji bulanan yang berpihak kepada pekerja ladang bagi mengubah status kehidupan mereka yang hidup dalam kemiskinan.

4.5. Peranan Kesatuan Sekerja (NUPW)

Kesatuan Sekerja merupakan satu kesatuan yang dianggotai oleh buruh-buruh dan pekerja-pekerja yang tidak mempunyai hubungan dalam kerja-kerja pengurusan ladang (Arul Chelvan, 1990). Ini bermakna pekerja yang bekerja di pejabat adalah tidak tergolong dalam kategori yang boleh menjadi ahli kesatuan sekerja. Fungsi utama kesatuan sekerja adalah menjaga kebijakan pekerja dan menghalang pengeksplotasian pihak majikan terhadap pekerja.

Oleh yang demikian, di sektor perladangan juga terdapat satu kesatuan buruh yang utama iaitu Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang atau NUPW. Namun peranan yang dimainkan oleh NUPW dalam menjaga hak kebijakan pekerja ladang masih menjadi satu persoalan. Walaupun sudah 40 tahun tahun kewujudkan NUPW, namun peranannya dalam membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat ladang masih rendah. Tambahan pula masalah di sektor perladangan tetap berterusan dan upah benar pekerja ladang pula mengalami penurunan mengikut tahun. Ini bermakna kegagalan NUPW dalam memainkan peranannya bagi menjaga kebijakan masyarakat ladang telah menyebabkan pekerja ladang hidup dalam kemiskinan.

Dari segi sejarah penubuhannya, jelas didapati bahawa ia merupakan satu perancangan yang diatur oleh golongan majikan. Di mana NUPW diwujudkan sebagai langkah menyederhanakan kesatuan sekerja yang sebelum ini disaingi oleh kesatuan-kesatuan buruh yang lebih radikal seperti UMEWU (United Malaya Estate Workers Union). Charles Gamba dalam bukunya NUPW: History of Plantation Workers Malaya (1962:26) menyifatkan penubuhan NUPW sebagai cara pihak majikan dan kerajaan untuk mengurangkan radikalisme dan konflik antara majikan dan buruh. Ini menunjukkan sejak awal-awal lagi penubuhan NUPW adalah untuk membantu golongan majikan dan bukannya pekerja. Justeru itu, peranan yang dimainkan oleh NUPW adalah terhad dan sangat kurang.

Hal ini jelas dilihat pada peranan yang dimainkan oleh NUPW dalam menuntut isu gaji bulanan kepada pihak majikan. Dimana mogok yang dilancarkan oleh NUPW tidak kejayaan kepada tuntutan NUPW akibat daripada tindakan Pemangku Menteri Buruh merujuk kes gaji bulanan ini ke mahkmah perusahan. Seterusnya NPUW bersetuju untuk menyelesaikan masalah perkara ini diluar makhamah perusahan melalui perjanjian MAPA / NUPW 1990. Dimana perjanjian baru ini tidak banyak berbeza dengan perjanjian terdahulu (Arul Chelvan, 1991). Ini jelas mengambarkan bahawa NUPW tidak menunjukkan keteguhan dalam perjuangan menuntut gaji bulanan. Disamping itu, ladang yang dimiliki oleh NPUW sendiri tidak mengamalkan bayaran gaji bulanan. Oleh itu isu gaji bulanan dengan senangnya dibuang oleh makhamah.

Kegagalan NUPW dalam menjaga kebijakan (menuntut gaji bulanan) pekerja ladang telah menyebabkan pekerja ladang bangkit semula pada tahun 1996 dengan penubuhan Jawatankuasa Sokongan Masyarakat Ladang (JSML) untuk menuntut gaji bulanan untuk semua pekerja disektor peladangan. JSML merupakan salah suatu

Jawatankuasa pekerja yang dianggotai oleh semua pekerja ladang getah diseluruh Semenanjung Malaysia (Harakah,23hb April 1999). Keadaan ini jelas dilihat pada tahun 1999,dimana lebih 2000 pekerja ladang terdiri daripada kaum India dan sebahagian kecil melayu dari seluruh Semenanjung telah berkumpul untuk membuat satu memorandum dihadapan bangunan Parlimen bagi menuntut kerajaan mewujutkan gaji bulanan yang lebih adil dan skim perumahan untuk pekerja ladang. Memorendum tersebut menuntut gaji bulanan minima RM 750 sebulan, bonus tahunan minima RM 50 setahun dan faedah persasaran. Mereka juga menuntut skim perumahan tetap untuk pekerja ladang bagi ladang yang masih beroperasi dan rumah ganti tetap apabila satu-satu ladang dimajukan atau dijual (Malaysia Nanban,20hb April 1999). Akan tetapi peranan yang dimainkan oleh NUPW dalam hal ini adalah sangat menyediakan apabila NUPW telah bersetuju dengan MAPA untuk menerima gaji bulanan sebanyak RM325.00 bagi pihak pekerja ladang pada march 2001. Akibat daripada peranan NUPW yang kurang bertanggungjawab tersebut telah menyebabkan pekerja ladang menerima upah bulanan minima sebanyak RM325.00 dan menyebabkan mereka terus hidup dalam keadaan kemiskinan.

Selain itu, penyelewengan² yang berlaku di kalangan pihak pentadbiran NUPW juga telah menyebabkan pekerja tidak percaya dengan NUPW.Keadaan sebegini jelaslah menggambarkan bahawa NUPW tidak berperanan langsung dalam menuntut upah yang tinggi dan meningkatkan taraf hidup masyarakat ladang.

4.6. Peranan kerajaan yang rendah.

Satu lagi aspek yang menyebabkan kedudukan masyarakat ladang tidak mengalami suatu perubahan pada masa negera mengalami pembangunan yang pesat adalah

² Penyelewengan sebanyak RM 90,000 oleh pihak pentadbiran NUPW terhadap duit Kesatuan pekerja ladang (Gunalan, 1994)

kerana peranan yang dimainkan oleh kerajaan di sektor perladangan adalah sangat kurang. Sejak kemerdekaan, negara Malaysia telah mengatur pelbagai rancangan dan projek pembangunan untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia. Namun begitu, sektor perladangan menerima perhatian yang sangat kurang daripada pihak pemerintah, di mana kerajaan tidak menyertakan sektor perladangan dalam rancangan pembangunan serta tidak memberi peruntukan dalam belanjawan untuk sektor perladangan kerana ladang merupakan pemilikan swasta (Kohila Yanasekaran, 1998). Oleh itu persoalan yang timbul di sini adalah, bolehkah sebuah kerajaan yang berwibawa boleh mengabaikan rakyat di sesuatu sektor atas alasan ia berada dibawah pengawasan pihak swasta atau kepunyaan persendirian.

Sekiranya kita melihat kepada sejarah Rancangan Malaysia didapati bahawa, di dalam Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua sektor perladangan tidak mendapat sebarang pengenalpastian secara rasmi. Walau bagaimanapun dalam Rancangan Malaysia Ketiga, sektor perladangan telah dikategori dalam kumpulan miskin, di mana dalam rancangan tersebut kerajaan telah menyatakan bahawa mereka akan menaruh perhatian yang lebih untuk memastikan majikan memperbaiki kemudahan di ladang seperti perumahaan, air, kesihatan, rumah sauhan dan sekolah. Hal ini telah dinyakan seperti berikut “*the government will pay attention to ensure that employers improve these facilities (housing, water electricity, care and school)*”.

Namun kerajaan gagal untuk meningkatkan taraf hidup pekerja ladang seperti mana yang dinyatakan di atas. Hal ini jelas kelihatan dalam polisi kerajaan antara 1970-1975 yang gagal meningkatkan taraf hidup masyarakat ladang. Iaitu di mana kadar kemiskinan di kalangan pekebun getah telah berkurang daripada 64 peratus pada 1970 kepada 59 peratus pada tahun 1975 manakala kadar kemiskinan pekerja ladang telah

meningkat dari 40.1 peratus pada tahun 1970 kepada 47 peratus pada masa yang masa. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan lebih bertumpu pada sektor pekebun kecil daripada sektor perladangan.

Selain daripada itu, kerajaan juga tidak mengambil tindakan yang tegas terhadap ladang-ladang yang tidak mematuhi akta-akta yang dibentuk khas untuk pekerja ladang iaitu Akta Minimum Standrad Perumahaan Dan Kemudahaan Asas. Misalnya masih wujud banyak ladang yang menyediakan rumah papan yang langsung tidak mematuhi akta tersebut. Namun demikian, langkah kerajaan dalam mengambil tindakan terhadap ladang-ladang sebegini adalah sangat rendah. Hal ini jelas dilihat di ladang Abako di mana Jabatan Buruh Selangor tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap majikan tersebut tahun 1990, sedangkan rumah tersebut masih dikekalkan oleh pihak majikan sehingga hari ini.

Di samping itu, penumpuan kerajaan yang kurang di sektor perladangan juga jelas dilihat pada ladang Abako. Ini jelas dilihat pada aduan yang diberikan oleh masyarakat ladang kepada Dato Seri Samy Vellu pada bulan marh 2001 mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Antara masalah yang dibincangkan di sini ialah masalah air yang kurang memuaskan. Justeru itu, Dato Seri telah meminta Jabatan Bekalan Air Negeri Selangor untuk membekalkan air di ladang Abako untuk mengatasi masalah bekalan air yang dihadapi oleh mereka. Di samping itu beliau juga telah berjanji kepada masyarakat ladang Abako bahawa beliau akan mengadakan rundingan kepada pihak majikan ladang tersebut bagi mengatasi masalah-masalah di ladang serta berjanji untuk menyediakan kemudahaan asas-asas di ladang Abako terutamanya pembinaan jalanraya yang baru. Namun begitu, didapati bahawa sehingga hari ini tidak terdapat sebarang kemudahan-kemudahan asas yang baru disediakan seperti mana yang dijanjikan oleh Dato Seri kepada masyarakat ladang Abako.

Penglibatan kerajaan yang lemah juga jelas dapat dilihat melalui perlaksana Skim Perumahaan Sendiri yang diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak pada tahun 1973. Sehingga kini hanya 17 ladang yang melaksanakan skim ini. Oleh itu, JSML telah menyeru kerajaan untuk melaksanakan Skim Perumahan Sendiri pekerja ladang membuat undang-undang baru yang mewajibkan setiap majikan membina rumah untuk setiap pekerja ladang. Namun demikian sehingga sekarang kerajaan tidak memberi sebarang kata putus mengenai perkara tersebut.

Selain itu bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada masyarakat di sektor perladangan adalah dalam aspek-aspek yang tentu sahaja. Selalunya bantuan yang diberikan oleh kerajaan adalah tidak berdasarkan kepada masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat ladang. Ini dapat diperhatikan di dalam Rancangan Malaysia Keenam kerajaan di mana kerajaan telah meluluskan subsidi lebih kurang RM 1 juta untuk membeli alat-alat permainan dan pembelajaran untuk diagihkan ada semua 833 pusat asuhan kanak-kanak di 698 buah ladang di Semenanjung Malaysia. Perbelanjaan yang dibuat oleh kerajaan untuk membeli alat-alat permainan dan pembelajaran sehingga tahun 1993 jelas dilihat pada jadual

4.7.

Jadual 4.7

Perbelanjaan Kerajaan Dan Bilangan Ladang Yang Menerima Bantuan

Tahun	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Bil.Ladang Yang Diberi Bantuan
1992	154,500	122
1993	210,000	140
Jumlah	364,500	262

Sumber: Isa bin Kasim, dalam Latihan Ilmiah koghila Yanasekaran, 1998

Ini menunjukkan bahawa perhatian kerajaan terhadap sektor perladangan adalah dalam pekara-pekara kecil sahaja sedangkan masyarakat ladang mengalami masalah dalam keperluan asas (basic needs).

Oleh itu, secara ringkasnya di dapati bahawa, segala rancangan pembangunan dan dasar kerajaan tidak berfungsi dengan sepenuhnya untuk meningkatkan kebajikan masyarakat ladang. Dengan itu, jelaslah bahawa peranan kerajaan yang rendah di sektor perladangan juga telah menyumbang kepada kemunduran dikalangan masyarakat.

4.7. Kesimpulan

Secara ringkasnya didapati bahawa permasalahan di ladang seperti masalah kewangan, pemilikan harta yang rendah, kadar pinjaman yang tinggi dan taraf hidup yang rendah adalah berpunca daripada faktor-faktor yang dinyatakan di atas. Daripada perbincangan di atas dapat diketahui bahawa faktor pengurusan ladang yang bermotif mengekalkan keuntungan yang tinggi pada syarikat perladangan adalah merupakan salah satu aspek utama yang membawa kepada kemiskinan di kalangan masyarakat ladang. Di samping itu faktor upah yang rendah dan peranan kerajaan yang minima juga menyumbang kepada kemunduran di kalangan masyarakat ladang tersebut. Hal ini jelas dilihat melalui rajah 4.1 yang cuba meringkaskan tentang faktor-faktor yang menyumbang terhadap kemiskinan masyarakat ladang. Dengan ini jelaslah bahawa kemiskinan yang dialami oleh masyarakat ladang adalah berpunca daripada faktor-faktor di atas.

Rajah 4.1

Faktor-faktor yang menyumbangkan terhadap kemiskinan dikalangan masyarakat ladang

